

Sosialis



APA DAH JADI DENGAN

DUIT

GST?



baca lanjut di m/s 8 & 9



Pekerja ladang menuntut rumah alternatif

> m/s 4



PSM tubuh Biro Orang Asal

> m/s 3



Petani Sungai Siput pertahan hak tanah

> m/s 5

Dana politik dan korupsi

> m/s 10

Kapitalis Jahannam sembunyi kekayaan

baca lanjut di m/s 6 & 7

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan

mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.

Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia

140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields,
50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26314866
Fax: 03-26314867
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan,
sila buat cek atas nama:
Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungkiri.wordpress.com/>



DARI MEJA PENGARANG

Krisis pemerintahan Najib Razak berlarutan dengan skandal 1MDB yang tidak habis-habis. Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai 1MDB yang diumumkan baru-baru ini masih langsung tidak membersihkan nama Najib, malah mengundang persoalan-persoalan baru. Sementara itu, krisis dalaman UMNO juga semakin meruncing selepas Mahathir bergabung tenaga dengan pihak pembangkang dan masyarakat sivil dengan mengemukakan "Deklarasi Rakyat".

Najib memang semakin hari semakin tidak mendapat sokongan rakyat, kerana skandal korupsi yang berterusan dan cara pentadbirannya yang menjejaskan keadaan politik ekonomi di negara kita. Gambar badut Najib yang tersebar luas di media sosial dan ditampal di sana sini, adalah manifestasi kemarahan anak-anak muda hari ini terhadap pemerintahan Najib. Kerajaan pimpinan Najib juga nampaknya semakin terdesak untuk mempertahankan kedudukannya dengan menggunakan cara-cara kediktatoran, penangkapan dan pendakwaan ke atas pengkritik, serta pengetatan undang-undang zalim supaya pihak berkuasa dapat bertindak sewenang-wenang dalam menghadkan ruangan demokrasi.

Namun, amat malangnya sekali pihak pembangkang, yang diterajui oleh Pakatan Harapan pada takat ini, gagal mempersembahkan alternatif yang jelas, malah menjadi lemah akibat

daripada pergelutan dalaman untuk merebut kuasa sehingga berlaga sesama sendiri. Ini menyebabkan sebahagian orang dalam pembangkang dan gerakan masyarakat sivil melahirkan ilusi bahawa kerjasama dengan puak Mahathir dapat melakukan perubahan untuk "menyelamatkan Malaysia" seperti yang didakwa. Tindakan sebegini bagaikan mengambil jalan pintas untuk menuju ke destinasi, sedangkan sesuatu jalan pintas tidak semestikan akan membawa kita ke destinasi yang diingini.

Kita sedang berdepan dengan krisis yang mendalam, bukan sahaja melanda negara kita tetapi seluruh dunia. Krisis sistem kapitalis sedunia semakin tenat dan pembongkaran Kertas Panama hanya membuktikan sekali lagi bahawa bagaimana golongan kapitalis yang mahakaya menyembunyikan kekayaan mereka di tempat berlindung cukai sedangkan hidup rakyat bawahan semakin susah ditekan dan diperas.

Memang kita perlu memperluaskan sekutu kita dalam menjatuhkan rejim yang korup lagi zalim, tetapi kita perlu fokus dalam membina kuasa rakyat dari bawah dengan halatuju politik alternatif yang jelas dan juga pendidikan politik untuk mewujudkan kesedaran yang mantap di kalangan rakyat biasa. Tiada jalan pintas untuk mencapai ini, kecuali kita teruskan usaha mengorganisasi dan menyedarkan rakyat melalui perjuangan masyarakat. ##

Langganlah Akhbar Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Tel: 603-26314866

Fax: 603-26314867

Laman web: <http://partisosialis.org/>

Malam Salam Perjuangan 2016



Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah mengadakan Majlis Makan Malam Salam Perjuangan pada 16 April yang lalu di Kuala Lumpur. Program tahunan ini bertujuan untuk mengutip dana untuk tabung parti di peringkat pusat bagi menampung kos perbelanjaan ibupejabat pusat PSM dan juga aktiviti-aktiviti PSM di peringkat nasional. Walaupun dalam keadaan ekonomi yang tidak baik pada dewasa ini, program mengutip dana ini masih mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada orang ramai. Lebih 500 orang telah hadir ke majlis makan malam tersebut.

Para hadirin dihiburkan dengan persembahan lagu yang menarik daripada pemuzik Meor Yusof Aziddin dan peguam Viswa, begitu juga dengan kumpulan muzik Ayam Hitam dan Peranakan. Para hadirin juga disajikan dengan dua sketsa drama, satu oleh kanak-kanak dari Kajang yang mengisahkan kesan-kesan buruk Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), dan satu lagi oleh pekerja kontrak di hospital tentang masalah yang dihadapi pekerja kontrak. Dr. Nasir Hashim, Pengerusi PSM, telah mendeklamasi sajak tulisannya dalam majlis yang meriah ini.

Sivarajan Arumugam selaku Setiausaha Agung PSM, Arutchelvan selaku AJK Pusat PSM dan Dr. Jeyakumar Devaraj selaku Ahli Parlimen Sungai Siput telah menyampaikan ucapan semasa majlis makan malam. Dalam ucapannya, Dr. Jeyakumar mengatakan bahawa sekarang ini wujudnya satu gelombang kesedaran rakyat tentang perlunya alternatif kiri untuk menentang sistem kapitalis yang semakin hari semakin terjebak dalam krisis. "Kebangkitan calon kiri Bernie Sanders di Amerika Syarikat dan pemilihan Jeremy Corbyn menjadi Pemimpin Parti Buruk UK, adalah petunjuk bahawa anak-anak muda di negara-negara tersebut inginkan perubahan yang sebenar," ulas Dr. Jeyakumar.



Penghargaan

PSM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menyumbang secara ikhlas kepada usaha mengutip dana untuk PSM Pusat. Namun, PSM masih memerlukan lebih dana untuk meneruskan program kami dalam membina kuasa rakyat dan memperjuangkan hak rakyat. Oleh itu, kami berharap rakan-rakan sekalian boleh terus memberi sumbangan supaya kami dapat menggerakkan program-program untuk memantapkan perjuangan rakyat.

Sumbangan boleh dibuat dengan menyalurkan derma melalui cek yang ditulis kepada PARTI SOSIALIS MALAYSIA, ataupun masuk terus ke akaun Maybank dengan nombor akaun 512080337313.

Sebarang pertanyaan, boleh dibuat melalui e-mel kepada bendahari@partisosialis.org atau hubungi terus ibupejabat PSM.

Biro Orang Asal ditubuhkan



Biro Orang Asal (OA) PSM telah ditubuhkan di Cameron Highlands pada 17 April yang lalu.

Penubuhan Biro OA merupakan inisiatif PSM Cawangan Cameron Highlands untuk menyokong perjuangan masyarakat OA di Semenanjung Malaysia. Ini adalah satu detik sejarah yang amat bermakna untuk PSM dan juga membuka lembaran baru untuk gerakan perjuangan OA.

PSM sentiasa berpegang pada pendirian untuk belajar daripada masyarakat OA, di samping menghormati dan menyokong perjuangan masyarakat OA menegakkan hak.

Sebagai penduduk terawal di bumi Malaysia yang kita pijak hari ini tetapi juga masyarakat yang paling dipinggirkan, masyarakat OA mempunyai hak untuk menentukan nasib mereka secara sendiri. Hak untuk sosio-ekonomi, tanah adat dan budaya masyarakat OA harus dijamin.



**Jumlah dana
yang diperlukan
untuk tahun 2016
RM 100,000**

**Jumlah dana
yang dikutip
sehingga
16 April 2016
RM 62,000**



Hentikan pengusiran paksa

5 ladang menuntut rumah alternatif

Pada 13 April yang lalu, Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di Shah Alam telah dikunjungi oleh seramai 100 orang pekerja dari 5 buah ladang, dengan seruan kepada Kerajaan Negeri Selangor supaya menghentikan pengusiran paksa yang bakal dihadapi mereka.

Pekerja-pekerja dari 5 buah ladang, iaitu Ladang Mary, Sungai Tinggi, Ladang Bukit Tagar, Ladang Nigel Gardner dan Ladang Minyak, telah menyerahkan satu memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Selangor dan juga EXCO Negeri Ganabathirau Veraman. Mereka menuntut pada pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya mencampurtangan dan menyelesaikan masalah perumahan yang dihadapi mereka sejak tahun 1998.

Sejak tahun 1991 lagi, semasa Muhammad Taib menjadi Menteri Besar, Kerajaan Selangor sudahpun mempunyai polisi kukuh di mana mereka tidak membenarkan pengusiran paksa apabila sebuah ladang dibangunkan atau dimajukan. Sejak Pakatan Rakyat memerintah

pada tahun 2008, Kerajaan Negeri juga memastikan setiap keluarga pekerja ladang tidak diusir secara paksa. Ini adalah untuk menghormati pengorbanan 4 generasi pekerja ladang dalam membangunkan negara.

Tuntutan pekerja amat munasabah

Seramai 57 keluarga daripada hampir 200 keluarga yang menghuni di 5 ladang tersebut, telah diberikan notis untuk mengosongkan rumah berkuatkuasa pada 15 April 2016. Kesemua mereka pernah dijanjikan perumahan oleh majikan sebelumnya. Justeru, notis pengusiran paksa ini harus ditangguhkan atau dibatalkan sehingga kesemua mereka diberikan rumah ganti atau rumah alternatif tetap.

Semua pekerja di 5 ladang ini harus dibina rumah alternatif tetap seperti yang pernah dijanjikan oleh majikan kepada kedua-dua Kerajaan Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat sebelum ini. Kerajaan Negeri harus



memastikan kepentingan masyarakat pekerja ladang dilindungi dan dijamin.

Sekiranya perumahan alternatif tetap belum lagi dibina, maka semua pekerja ini dan juga bekas pekerja tidak harus diusir keluar. Mereka juga harus menikmati kemudahan yang sedia ada di ladang seperti air,

elektrik dan kemudahan infrastruktur yang lain tanpa sebarang gangguan.

Kerajaan Negeri juga harus membantu syarikat perladangan dari segi kelulusan dan sebagainya jika syarikat berkenaan membantu masyarakat pekerja ladang dalam membina perumahan tetap.

Latar belakang

Pada 1900-an, ladang-ladang di sekitar Kuala Selangor dan Hulu Selangor, termasuk 5 ladang yang disebut di atas, dimiliki oleh sebuah syarikat Perancis yang bernama Socfin. Selepas 3 generasi pekerja membangunkan ladang-ladang tersebut, Socfin menjual tanah perladangan berkeluasan 11 500 ekar kepada syarikat Berjaya pada tahun 1998 dengan harga RM 650 juta. Pekerja-pekerja hanya diberi faedah pemberhentian kerja dan tawaran kerja di bawah syarikat baru, iaitu Berjaya. Rumah ganti tetap ataupun tanah tidak disediakan kepada pekerja.

Apabila syarikat Berjaya mengambilalih tanah ladang-ladang tersebut, isu perumahan alternatif

atau lot tanah bagi pekerja ladang menjadi tuntutan utama pekerja. Para pekerja membentuk Jawatankuasa Pekerja untuk memperjuangkan hak mereka.

Syarikat Berjaya telah membuat pelbagai janji antaranya memberikan lot tanah dan juga janji akan membina rumah teres kos rendah. Janji ini telah diberitahu kepada pelbagai pihak termasuk selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mengambilalih kuasa, Berjaya memberikan syor kepada Exco Negeri Xavier Jayakumar dan kini kepada pihak Ganabathirau.

Xavier juga pernah melawat 3 kawasan untuk mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk membina rumah kos rendah ini. Walau bagaimanapun, hasrat itu tidak

dipenuhi apabila Berjaya menjual tanah perladangan kepada Tagar Properties Sdn Bhd pada akhir tahun 2014.

Tagar Properties mewarisi semua pekerja dari Berjaya di mana pekerja yang bekerja dibenarkan meneruskan pekerjaan mereka, tetapi dalam persoalan janji Berjaya memberikan rumah dan boleh tinggal di sana sehingga rumah disiapkan, perkara ini tidak ditunaikan. Tagar Properties kini cuba melarikan diri daripada tanggungjawabnya membina perumahan untuk pekerja ladang dengan alasan mereka adalah tuan tanah ladang baru. Alasan ini tidak boleh diterima.

Pada 11 Mac 2016, seramai 57 bekas pekerja dari 5 ladang ini telah

mendapat notis yang mengarahkan pengosongan rumah sebelum 15 April 2016. Notis tersebut juga mengatakan bahawa jika gagal mengosongkan rumah sebelum 15 April 2016, maka pihak majikan, iaitu Tagar Properties, akan menggunakan pihak luar atau khidmat polis untuk mengusir keluar pekerja.

Ekoran daripada notis tersebut, semua pekerja ladang yang terbabit telah:-

- Menulis surat balasan kepada notis;
- Membuat aduan polis terhadap Tagar Properties Sdn Bhd pada 31 Mac 2016 di Ibu pejabat Polis Daerah Kuala Selangor.

Janji-janji untuk perumahan alternatif sebelum ini:

i. Rancangan Perumahan Tun Abdul Razak untuk pekerja ladang. Pada tahun 1974 semasa Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, beliau memperkenalkan Skim Perumahan Sendiri bagi pekerja ladang, di mana kerajaan memperuntukkan sebanyak RM 100 juta bagi pelaksanaan skim ini. Jika semua ladang melaksanakan skim ini, maka hari ini tidak ada lagi masalah perumahan masyarakat pekerja ladang di negara kita.

ii. Pada 6 Julai 1999, K. Sivalingam, Exco Negeri Selangor

pada masa itu menulis satu surat kepada Pengerusi Kebajikan Pekerja Berjaya dan menyatakan dalam surat tersebut bahawa pihak Kerajaan Negeri telahpun mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali dengan Syarikat Berjaya dan mereka bersetuju untuk membina rumah kos rendah bagi penduduk dan keutamaan akan diberikan kepada bekas pekerja ladang.



iii. Pada 27 Februari 2008, syarikat Berjaya menulis kepada Khir Toyo, Menteri Besar Selangor pada masa itu, menyatakan bahawa syarikat Berjaya bersetuju memperuntukkan tanah untuk pekerja ladang membina rumah sendiri dengan beberapa syarat. Antaranya pekerja-pekerja ladang yang berkhidmat sekurang-kurangnya 10 tahun layak mendapat tanah; tanah hanya untuk membina rumah dan bukan tujuan lain; tidak boleh pindah milik kepada pihak ketiga dalam masa 10 tahun. Jika mengikut kriteria ini, maka hampir semua 200 keluarga di 5 ladang berkenaan akan layak untuk dapat rumah.

iv. Pada 27 Februari 2009, Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW) menulis satu surat kepada Vincent Tan, Pengerusi Berjaya Corporation Berhad, menyatakan bahawa beberapa mesyuarat telah diadakan di pejabat G. Palanivel, iaitu mantan ahli Parlimen Ulu Selangor, dan K. Sivalingam bersama dengan wakil-wakil pekerja ladang dari Sungai Tinggi, Minyak, Bukit Tagar dan Nigel Gardener. Dalam mesyuarat tersebut, telah diputuskan bahawa syarikat Berjaya akan memberikan lot tanah kepada pekerja untuk membina rumah.

(sambung di m/s 5)

Petani Sungai Siput pertahan hak cucuk tanam

Perbicaraan kes 9 orang petani dari Padang Tembak, Sungai Siput, Perak, telah berlangsung pada 10 Mac yang lalu di Mahkamah Tinggi Taiping. Kes ini telah difailkan pada Julai 2015 terhadap keangkuhan dan ketidakadilan pihak Kerajaan Negeri Perak yang telah memberi notis 2 minggu untuk mengosongkan tanah yang telah diusahakan petani-petani tersebut selama antara 4 hingga 18 tahun. Petani telah mendapat perintah mahkamah pada bulan September 2015 yang mengarahkan supaya usaha pengusiran harus dihentikan sehingga kes didengar.

Ambiga Sreenevasan, peguam yang mewakili para petani tersebut, telah menjelaskan pada hakim bahawa para petani tidak mempertikaikan hak kerajaan negeri terhadap tanah. Tetapi, hujah Ambiga adalah, kuasa kerajaan harus dilaksanakan secara berhemah dan bertanggungjawab.

Ambiga menghuraikan bagaimana pertanian merupakan punca rezeki utama untuk 5 daripada 9 orang petani terlibat. Beliau menyoal tentang mengapa mereka tidak diberitahu lebih awal supaya mereka sempat untuk hentikan pelaburan baru ke atas tanah ini dan mencari tanah lain.



Ambiga menceritakan bagaimana Lau, salah seorang petani yang terlibat, telah memohon geran tanah 15 tahun lebih dahulu, tetapi telah ditolak oleh Pejabat Tanah Sungai Siput. Jadi, mustahil Kerajaan Negeri tidak sedar akan kehadiran petani di atas tanah tersebut.

Ambiga menghuraikan konsep "implied consent" ataupun keizinan yang bukan tertulis, kerana sehingga April 2015 Kerajaan Negeri tidak pernah menasihatkan Lau dan 8 orang rakannya untuk keluar dari

tanah itu. Ambiga juga merujuk pada sijil-sijil penghargaan yang telah diberi oleh pihak jabatan veterinar kepada Krishnan, seorang penternak lembu di kawasan itu. Ini semua mewujudkan persepsi di kalangan petani bahawa mereka diizinkan untuk mengusahakan kegiatan pertanian tetapi secara

yang bukan rasmi.

Ambiga juga membangkitkan isu sekuriti makanan untuk negara. Beliau berhujah bahawa kegiatan petani bukan bersifat jenayah, malah merupakan sesuatu yang menguntungkan negara memandangkan kita sedang membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk mengimport bahan makanan.

Peguam yang mewakili kerajaan telah membalas bahawa pemberian notis 2 minggu merupakan tindakan lembut dan bersopan kerana kerajaan mempunyai hak di bawah undang-undang untuk terus menolak semua penanaman tanpa notis. Pihak kerajaan menyifatkan petani sebagai penceroboh haram yang langsung tiada hak. Dia enggan menjawab apabila hakim bertanya mengapa kerajaan negeri mahu tanah itu. Apabila hakim bertanya-tanya, dia menjawab "diberi kepada pihak lain" tetapi tidak menjelaskan untuk siapa dan tujuan apa.

Akhirnya hakim berkata bahawa beliau bersimpati dengan para petani, tetapi terikat oleh undang-undang. Beliau berkata bahawa beliau tidak boleh membuat keputusan yang dipandu oleh sentimen. Hakim telah menetapkan tarikh dalam 1 bulan untuk membaca keputusannya.

Kes petani Padang Tembak merupakan kali pertama sekumpulan petani telah menghadapi kerajaan negeri ke mahkamah kerana isu pengusiran paksa. Ada banyak kes di mana pemaju memfailkan kes untuk mengusir petani. Tetapi ini merupakan kes pertama untuk membongkarkan keangkuhan pihak berkuasa.

Syabas kepada petani Padang Tembak kerana berani melawan. Menang atau kalah, mereka telah membawa ketidakadilan ini kepada pengetahuan awam. ##



(sambung dari m/s 4)

Ladang Sungai Tinggi.

v. Selepas kemenangan Pakatan Rakyat di Selangor, ladang-ladang ini dikunjungi oleh Xavier Jayakumar, Exco yang bertanggungjawab dalam hal ehwal pekerja ladang, dan beliau turut ambil beberapa inisiatif mengadakan mesyuarat dengan syarikat Berjaya dan juga mengenalpasti 3 lokasi di Kuala Selangor bagi perancangan skim perumahan pekerja dari 5 ladang ini. Menurut suratnya kepada Mohd Misri bin Haji Idris, Pegawai Daerah Kuala Selangor, pada 24 April 2009, menunjukkan satu lawatan telah dibuat ke 2 lokasi, iaitu lokasi pertama di tanah milik KDEB, berhampiran Agro Tech, Batu 11, Jalan Raja Musa dan lokasi kedua di sekeliling Unisel, Bestari Jaya. Lokasi ketiga pula adalah yang telah dicadangkan oleh Berjaya, iaitu di

vi. Pada akhir tahun 2014, apabila pekerja-pekerja ladang mendapat tahu tentang Berjaya berniat untuk menjual perladangan kepada pihak lain, mereka segera menyampaikan maklumat kepada Ganabatirau Veraman, Exco Kerajaan Negeri Selangor, melalui satu surat untuk memberi tekanan kepada Berjaya supaya selesaikan isu perumahan sebelum menjual perladangan. Akan tetapi, ladang telah dijual kepada Tagar Properties Sdn Bhd.

vii. Pada 23 April 2015, wakil ladang dari Bukit Tagar dan Pengerusi Pertubuhan Perkhidmatan Rakyat, Paul Sinnapan, telah berjumpa dengan Azmin Ali, Menteri Besar Selangor. Pada masa itu, Menteri Besar memberitahu bahawa

beliau akan cuba meneliti isu ini.

viii. Pada 4 April 2016, beberapa wakil dari Bukit Tagar hadir ke Pejabat Ganabatirau Veraman untuk membincangkan masalah perumahan mereka. Dalam perjumpaan tersebut, Ganabatirau memberitahu bahawa syarikat Berjaya sedia bina rumah seperti yang dijanjikan, tetapi

menghadapi masalah dalam kos pembinaan untuk saluran paip yang dijangka memakan kos sebanyak RM6 juta.

Dalam situasi sekarang, Tagar Properties Sdn Bhd telah memberi notis mengosongkan rumah di ladang bagi 57 pekerja yang tidak bekerja di ladang-ladang tersebut sebelum 15 April 2015. Mereka adalah bekas pekerja dan mereka harus dibenarkan menetap sehingga projek perumahan alternatif siap dibina. Kita harus berprihatin kepada warga yang telah bersara dan menghargai pengorbanan mereka dalam membangunkan ekonomi negara kita.

Para pekerja di ladang-ladang tersebut juga risau bahawa, jika mereka gagal mengosongkan rumah sebelum 15 April 2016, majikan akan mengambil tindakan seperti memotong air dan elektrik, atau menggunakan pihak luar untuk melakukan pengusiran paksa.

Oleh yang demikian, pekerja dari 5 buah ladang menuntut pada Menteri Besar dan Kerajaan Selangor supaya bertindak segera dan menunaikan tuntutan pekerja ladang untuk mendapatkan perumahan alternatif yang kekal.

Sudah 4 generasi masyarakat ladang berkorban untuk pembangunan negara dan mereka mempunyai hak yang sah untuk menginap di rumah ladang sehingga majikan membina rumah ganti tetap. ##



Kertas Panama

BONGKAR

Kapitalis global sembunyi kekayaan

Sigmundur Davíð Gunnlaugsson, Perdana Menteri Iceland, menjadi pemimpin negara yang pertama terpaksa letak jawatan berikutan pendedahan "Kertas Panama".

Di bawah penyelarasan Konsortium Antarabangsa Wartawan Penyiasat (ICIJ), lebih kurang 100 media massa di seluruh dunia telah memberikan pendedahan dokumen-dokumen rahsia yang digelar sebagai "Kertas Panama" pada 3 April yang lalu. "Kertas Panama" merupakan himpunan dokumen-dokumen sulit kepunyaan

Mossack Fonseca, sebuah firma guaman yang beribupejabat di Panama. Dokumen-dokumen tersebut mengandungi maklumat terperinci berkenaan dengan 214,000 buah syarikat luar pesisir yang didaftarkan oleh Mossack Fonseca di seluruh dunia, termasuklah maklumat yang berkaitan dengan identiti pemegang saham dan pengarah syarikat-syarikat tersebut.

Mossack Fonseca merupakan syarikat pengurusan kewangan luar pesisir yang keempat besar di dunia.

Perkhidmatan yang disediakan oleh firma tersebut adalah "pengurusan kekayaan" untuk mereka yang kaya-raya. "Pengurusan kekayaan" itu termasuklah membantu golongan orang kaya untuk membuka syarikat luar pesisir (iaitu syarikat yang didaftarkan di luar daripada negara asalnya) di tempat-tempat yang mudah mendaftarkan perniagaan dan kadar cukai yang rendah. Pengurusan kewangan luar pesisir sebegini telah menjadi satu cara untuk golongan yang kaya



mengelakkan diri daripada membayar cukai, dan membolehkan golongan yang rasuah untuk menjalankan aktiviti pelaburan wang haram.

Ada apa dengan Kertas Panama?

Pendedahan Kertas Panama melibatkan sebanyak 11.5 juta rekod dokumen sejak tahun 1970-an sehingga penghujung tahun 2015. Jumlah data dalam Kertas Panama mencecah 2.6 TB, jauh lebih besar daripada jumlah data daripada pembongkaran *Cablegate* oleh Wikileaks pada tahun 2010 (iaitu data sebanyak 1.7 GB), Kebocoran Luar Pesisir pada tahun 2013 (260 GB), Kebocoran Luxembourg (4 GB) dan Kebocoran Swiss (3.3 GB). Data-data tersebut termasuk e-mel, fail PDF dan petikan daripada pangkalan data Mossack Fonseca.

Maklumat yang dibocorkan tersebut diserahkan oleh satu sumber yang tidak diketahui namanya kepada *Süddeutsche Zeitung*, sebuah suratkhbar yang beribupejabat di Munich, Jerman, pada lebih kurang setahun sebelum ini. Menurut Bastian Obermayer, wartawan *Süddeutsche Zeitung*, sumber yang tidak dikenali

tersebut menyerahkan maklumat yang dibocorkan itu kerana beliau berpendapat bahawa Mossack Fonseca telah melakukan perkara yang tidak beretika. "Sumber itu berpendapat bahawa firma guaman di Panama ini sedang mendatangkan mudarat kepada dunia, dan beliau mahu menghentikan segala ini. Itulah motivasinya mendedahkan maklumat itu," begitu kata

Obermayer.

Seramai lebih 140 orang pegawai kerajaan dan pemimpin politik di seluruh dunia telah dibongkarkan dalam Kertas Panama, bahawa mereka disyaki terlibat dalam pengelakan cukai melalui syarikat kewangan luar pesisir. Antara pemimpin negara yang didedahkan nama dalam Kertas Panama adalah Sigmundur Davíð Gunnlaugsson

(Perdana Menteri Iceland), Mauricio Macri (Presiden Argentina), Salman (Raja Arab Saudi), Khalifa bin Zayed Al Nahyan (Presiden UAE) dan Petro Poroshenko (Presiden Ukraine yang berkuasa selepas pergolakan politik yang menjatuhkan puak pro-Rusia pada tahun 2014). Saudaramara untuk pemimpin negara juga didedahkan dalam kebocoran maklumat terbaru ini, antaranya abang ipar Xi Jinping (Presiden China), anak Hosni Mubarak (bekas Presiden Mesir), sepupu Bashar al-Assad (Presiden Syria) dan rakan karib untuk Vladimir Putin (Presiden Rusia). Malaysia juga tidak ketinggalan apabila pendedahan Kertas Panama mendapati bahawa Mohd Nazifuddin Najib, anak kepada Perdana Menteri Najib Razak, pernah menyandang jawatan pengarah untuk 2 buah syarikat luar pesisir yang didaftarkan di Kepulauan Virgin British.



(sambung di m/s 7)

(sambung dari m/s 6)

Dalam pendedahan Kertas Panama, didapati bahawa Kepulauan Virgin British adalah destinasi yang paling popular antara mereka yang mendaftarkan syarikat luar pesisir melalui Mossack Fonseca. Selain Kepulauan Virgin British, Panama, Bahamas, Seychelles, Niue dan sebagainya adalah antara destinasi untuk membuka syarikat luar pesisir. Tempat-tempat ini terkenal sebagai tempat berlindung cukai.

Sesuatu tempat menjadi tempat berlindung cukai dengan adanya undang-undang pro-bisnes yang memudahkan sesebuah syarikat itu ditubuhkan dan juga undang-undang kerahsiaan yang melindungi kepentingan mereka yang melabur dalam sesebuah syarikat, tambahan pula dengan sistem percukaian yang

Apa itu tempat berlindung cukai?

mesra perniagaan.

Ambil contoh Kepulauan Virgin British, kepulauan yang merupakan Wilayah Luar Negeri British tersebut tiada cukai perolehan modal, tiada cukai pemberian, tiada cukai keuntungan, tiada cukai pusaka, tiada duti harta pusaka dan tiada cukai korporat. Kadar cukai pendapatan di Kepulauan Virgin British adalah sifar. Ini memang menjadi syurga kepada golongan kaya untuk membuka syarikat di situ, bukannya untuk membuat bisnes atau pengeluaran, tetapi hanya untuk mengelakkan cukai di negara sendiri. Beratus bilion dollar hilang setiap tahun kerana golongan kapitalis menyembuyikan kekayaan

mereka di tempat-tempat berlindung cukai di seluruh dunia.

Mungkin ada yang hairan mengapa begitu sedikitnya orang kaya Amerika Syarikat (AS) disenaraikan dalam Kertas Panama. Adakah disebabkan kapitalis AS itu begitu jujur sekali dan membayar semua cukai yang berwajib? Memang bukannya begitu. Ini kerana perkhidmatan yang disediakan oleh Mossack Fonseca itu mudah didapati di tempat berlindung cukai di tanah besar AS itu sendiri, khususnya di negeri-negeri seperti Delaware, Nevada dan Wyoming.

Di sebuah bangunan satu tingkat yang beralamat 1209 North Orange Street, di Wilmington, negeri

Delaware di AS, terdapatnya sebanyak 285,000 buah syarikat didaftarkan di situ, termasuk syarikat gergasi seperti Apple, Google, Coca-cola, KFC dan sebagainya, begitu juga dengan syarikat yang ditubuhkan semata-mata untuk pelaburan wang haram. Di Delaware, untuk menubuhkan sebuah syarikat, maklumat yang diperlukan adalah lebih kurang daripada memohon kad pinjaman buku di perpustakaan. Oleh yang demikian, golongan kaya di AS memang tidak perlu pergi membuka syarikat luar pesisir di Kepulauan Virgin British atau Panama untuk tujuan pengelakan cukai. Mereka boleh buat sedemikian di tanahair sendiri.

PM Iceland jadi korban pertama

2 hari sahaja selepas pembongkaran Kertas Panama, telah ditemui korbannya yang pertama, iaitu Sigmundur Davíð Gunnlaugsson, Perdana Menteri Iceland.

Dalam penemuan Kertas Panama, didapati Gunnlaugsson gagal mengisytihar bahawa dia memegang saham sebuah syarikat yang didaftarkan di Kepulauan Virgin British semasa dia dipilih menjadi ahli parlimen pada tahun 2009. Gunnlaugsson kemudiannya menjual kesemua saham tersebut kepada isterinya dengan harga USD 1. Isterinya telah mendapat keuntungan daripada saham syarikat tersebut. Tindakan tersebut telah mencetuskan kemarahan rakyat.

Lebih kurang 23,000 orang turun ke jalanraya di ibu negara, Reykjavík, dan berhimpun di hadapan bangunan parlimen, menuntut perletakan jawatan PM dan pembubaran parlimen untuk pilihanraya. Jumlah penduduk Iceland hanya 329,000 orang dan penduduk di Reykjavík hanya 120,000 orang. Oleh itu, jumlah rakyat yang berdemonstrasi telah mencecah 7% daripada jumlah penduduk seluruh negara dan 1/5 daripada penduduk ibu negara Iceland, satu jumlah yang amat signifikan. Gunnlaugsson terpaksa

meletak jawatan berikutan demonstrasi besar-besaran.

Gunnlaugsson merupakan pemimpin Parti Progresif, sebuah parti berhaluan kanan, yang memperoleh 19 daripada 63 kerusi parlimen semasa pilihanraya umum pada tahun 2013. Parti Progresif telah menubuhkan kerajaan campuran bersama dengan Parti Independen, satu parti berhaluan lebih kanan lagi yang juga memegang sebanyak 19 kerusi.

Parti Independen memainkan peranan penting dalam penswastaan bank dan penyahkawalseliaan sektor kewangan di Iceland pada awal tahun 2000-an, semasa parti tersebut memerintah. Dasar-dasar Parti Independen telah mengundang gelembung kewangan sehingga mencetuskan krisis ekonomi yang amat serius pada akhir tahun 2008. Kerajaan campuran pimpinan Parti Independen terpaksa dibubarkan selepas demonstrasi besar-besaran tercetus berikutan krisis kewangan. Pakatan Demokratik Sosial telah bergabung dengan Gerakan Kiri Hijau berikutan kejatuhan kerajaan campuran pimpinan Parti Independen untuk menggubal perlembagaan baru dan dasar baru untuk menangani krisis ekonomi.

Krisis ekonomi 2008 telah menyebabkan taraf kehidupan rakyat

Iceland jatuh secara mendadak, di mana ramai pekerja awam diberhentikan kerja, pencen mengecut, syarikat muflis dan beribu-ribu warga Iceland terpaksa berhijrah ke luar negara untuk mencari kerja. Pada bulan Mei 2015, seramai 70,000 orang pekerja di Iceland telah mengadakan mogok besar-besaran. Yang terlibat dalam mogok tersebut adalah doktor, jururawat, ahli akademik, pekerja sektor pelancongan dan sebagainya. Aksi mogok tersebut telah berjaya menaikkan gaji pekerja. Namun, taraf kehidupan rakyat Iceland masih 25% di bawah paras sebelum krisis.



Rakyat Iceland pernah menjatuhkan kerajaan yang pro-korporat pada tahun 2009 untuk menyelamatkan negara mereka daripada krisis mendalam. Rakyat Iceland juga berjaya menaikkan gaji mereka melalui aksi mogok. Sekali lagi baru-baru ini, rakyat Iceland berjaya menghalau pemimpin kerajaan yang menyembunyikan kekayaan di luar negara. Ini membuktikan bahawa kuasa rakyat yang berorganisasi dari bawah amat berkesan untuk melawan rejim kapitalis yang menghisap titik peluh rakyat biasa seperti parasit. Hanya dengan gerakan rakyat dari bawah, kita dapat menyelamatkan masyarakat kita daripada terus dihancurkan oleh kapitalis yang parasitik.

Perubahan sistem diperlukan

Apa yang dibongkar dalam Kertas Panama itu bukannya sesuatu yang baru. Namun, sekali lagi melalui pendedahan maklumat yang berjumlah begitu besar ini, dibuktikan bahawa sistem kapitalis global pada hari ini hanya terus membiak golongan parasit yang membolot kekayaan melalui pemerasan ke atas rakyat bawahan dan menyembunyikannya di luar pesisir untuk mengelakkan diri daripada cukai. Rakyat yang dihipit dengan masalah gaji rendah dan kos hidup semakin tinggi, terpaksa pula membayar cukai regresif seperti

GST hanya kerana kerajaan kita gagal menghalang pengelakan cukai daripada golongan mahakaya.

Dengan pengelakan cukai melalui syarikat di luar pesisir yang didirikan di tempat-tempat berlindung cukai di seluruh dunia, golongan yang kaya menjadi lebih kaya lagi kerana mereka tidak perlu bayar cukai, malahan rakyat miskin menjadi lebih miskin kerana kerajaan kehilangan sumber pendapatan untuk membangunkan perkhidmatan awam untuk semua. Kita perlukan struktur percukaian yang baru untuk

menangani masalah pengelakan cukai di peringkat antarabangsa, namun perjanjian-perjanjian perdagangan seperti TPPA langsung tidak menyentuh tentang usaha sebegini, sebaliknya akan menggalakkan lagi aktiviti pengelakan cukai oleh golongan korporat.

Sekiranya kita tidak menangani masalah pengelakan cukai, jurang kekayaan akan semakin melebar dan bakal mengundang lebih banyak krisis yang serius. Pengelakan cukai

perlu dibendung dan golongan korporat yang menyembunyikan kekayaan harus dihukum. Kita perlukan satu sistem percukaian progresif yang mencukai lebih tinggi ke atas golongan kaya dan korporat, supaya kita dapat mewujudkan sistem kesihatan dan pendidikan yang percuma untuk semua.

Ini hanya dapat dilakukan dengan mewujudkan sistem ekonomi yang baru, iaitu sistem ekonomi yang berasaskan kesejahteraan rakyat biasa bukannya keuntungan korporat besar. Untuk melakukan perubahan sistem sedemikian, kita perlu teruskan usaha membina kuasa rakyat dan berjuang. ##



Setahun GST

Apa dah jadi dengan wang cukai rakyat?

1 April 2016 menandakan genapnya satu tahun pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Gabungan Bantah GST telah menyerahkan satu memorandum kepada Ibupejabat Kastam Di-Raja di Kelana Jaya.

Antara yang hadir dalam penyerahan memorandum hari ini adalah mereka yang ditahan pada 23 Mac 2015 semasa aksi menanya soalan di Ibupejabat Kastam yang sama. Pada 23 Mac 2015, seramai 79 orang aktivis telah ditahan dan kemudiannya didakwa di Mahkamah Sesyen Petaling Jaya kerana mengadakan aksi menanya soalan tentang GST dan membantah pelaksanaannya.

Diterbitkan di sini adalah kenyataan penuh yang dikeluarkan oleh Gabungan Bantah GST pada 1 April yang

lalu, bersertakan 15 persoalan tentang GST.

Pada 1 April 2015, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan, iaitu Cukai GST, walaupun terdapat banyak bantahan daripada pelbagai lapisan masyarakat sebelum dan selepas pelaksanaannya.

Jabatan Kastam mengumumkan bahawa sejak pelaksanaan GST, iaitu dari April 2015 hingga Oktober 2015, Kerajaan sudah mengutip lebih RM30 bilion hasil daripada kutipan cukai GST, dan jumlah kutipan tersebut adalah lebih daripada apa yang dijangka. Menurut Jabatan Kastam, jabatan tersebut telah pun mengutip sebanyak RM 6 bilion dalam dua bulan pertama sejak pelaksanaan Cukai GST. Malah, kerajaan meramalkan bahawa pada tahun



2016, RM 39 billion akan dikutip sebagai cukai GST seperti yang diumumkan oleh Jabatan Kastam baru-baru ini. Semasa membentangkan Bajet 2016, Perdana Menteri Najib Razak mengumumkan bahawa hampir 400

ribu syarikat telah berdaftar untuk mengutip GST dan pungutan cukai mencapai lebih 90%, malah Perdana Menteri juga mengumumkan tujuh lagi penambahbaikan GST pada tahun 2016.

Janji-janji Perdana Menteri dan realiti

Sebelum pelaksanaan Cukai GST pada bulan April 2015, Kerajaan Malaysia telah menjanjikan pelbagai perkara kepada rakyat Malaysia supaya rakyat tidak membantah pelaksanaan Cukai GST.

Antara janji-janji kerajaan adalah seperti berikut:

1. Kesan terhadap harga barang adalah minimum kerana kebanyakan barangan asas dan makanan akan bebas daripada cukai GST.

2. GST menggantikan SST sahaja, harga barang tidak akan naik.
3. Kutipan cukai GST akan digunakan untuk membina sekolah, menyediakan perkhidmatan kesihatan dan banyak lagi kemudahan awam.
4. Hasil kutipan GST mampu tanggung tambang tol.
5. Harga pengangkutan awam tidak akan dinaikkan.
6. Cukai GST membenarkan pengurangan kepada Cukai Pendapatan.

"Yakinlah, saya tidak akan susahkan

rakyat Malaysia. Saya sebagai Pengerusi Barisan Nasional tidak akan menyusahkan rakyat kerana kerajaan berdiri atas sokongan rakyat." Ini adalah teks ucapan Najib Razak pada September tahun 2014 yang menjanjikan bahawa cukai GST tidak akan membebankan rakyat, namun begitu, REALITInya amat berbeza



selepas cukai GST dilaksanakan, lebih-lebih lagi semua perkara yang dijanjikan di atas tidak ditunaikan.

Apa yang sebenarnya berlaku?

1. Perbelanjaan purata isi rumah pada bulan pertama pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), **meningkat** sehingga 21 peratus dalam beberapa kategori (kaji selidik Malaysiakini).

Sebelum GST 6% dilaksanakan, kerajaan berjanji bahawa cukai GST akan mengurangkan harga barangan dan juga ianya lebih rendah daripada Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Nampaknya, ini tidak benar dan rakyat telah ditipu, kerana menurut kaji selidik yang dikendalikan oleh Malaysiakini, sebanyak 60% responden menyatakan bahawa perbelanjaan isi rumah telah naik dengan teruk

hanya sebulan selepas GST dilaksanakan. Malah menurut laporan Bank Negara, telah dinyatakan bahawa kenaikan harga di pasaran tempatan adalah lebih meluas disebabkan oleh pelaksanaan GST.

2. Harga barangan naik

Bermula sejak awal Januari 2015, harga barang sudahpun menunjukkan kenaikan akibat kenaikan harga minyak pada akhir tahun 2014. Walaupun harga minyak turun dan naik kerana kegagalan kerajaan dalam menguruskan ekonomi negara, namun harga barang tetap tinggi dan masih

berlarutan sehingga kini. Malah, selepas pelaksanaan GST, lagi teruk keadaan. Menurut Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), harga barangan mengalami kenaikan dari 20% hingga 30% selepas pelaksanaan GST berbanding dengan apa yang dicatatkan dalam buku garis panduan. Malah, FOMCA juga mendedahkan bahawa ada juga kedai yang tidak menunjukkan harga asal sebelum GST ditambah dan ini adalah bertentangan dengan garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan.

3. Kadar tol naik

Sejak 15 Oktober 2015, tambang tol di 18 lebuhraya telah dinaikkan harga dalam tempoh enam bulan selepas GST dilaksanakan. Ia melibatkan Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK), Lebuhraya Maju Expressway (MEX), Lebuhraya Kajang-Silk, Lebuhraya Duta-Ulu Kelang (Duke) dan Syarikat Mengurus Air Banjir dan Terowong (Smart). Selain itu, terlibat juga Lebuhraya KL-Kuala Selangor (Latar), Lebuhraya Sungai Besi (Besraya), Lebuhraya Baru Pantai (NPE), Lebuhraya Kajang Seremban (Lekas), Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (Sprint) dan Lebuhraya Cheras-Kajang (Grand Saga).

(sambung di m/s 9)

(sambung dari m/s 8)

4. Tambang Komuter, LRT dan ERL naik harga 100%

Bermula 2 Disember 2015, tambang tren Komuter, LRT dan ERL telah naik secara mendadak. Kenaikan tambang bagi perkhidmatan KTM adalah antara 20% hingga 140%, dan kenaikan bagi tambang LRT, Monorel dan RapidKL pula antara 40% hingga 102%. Tambang bas dan teksi juga mengalami kenaikan, iaitu sebanyak 22% untuk bas dan 49% untuk teksi. Malah, ERL turut naik harga sebanyak RM 20, maka tambang ERL bagi perjalanan sehalah dari KL Sentral ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA2 adalah RM 55 berkuatkuasa 1 Januari 2016.

5. Pelupusan Subsidi

Subsidi untuk Beras Nasional Super Tempatan dengan kadar hancur 15% (ST15/ S15) kini ditarik balik dan dimansuhkan. Dengan penarikan subsidi beras tersebut, harga beras subsidi ini kembali kepada harga asal RM23.00 berbanding harga selepas subsidi RM17.50. Pemansuhan subsidi ini dibuat dengan alasan terdapat banyak masalah.

Pelupusan subsidi minyak masak sebanyak RM950 juta yang pasti meningkatkan harga minyak masak (sawit).

Pengurangan 95% dalam peruntukan untuk Kumpulan Wang

Amanah Pelajar Miskin daripada RM200 juta kepada hanya RM10 juta.

Pengurangan peruntukan Kementerian Pengajian Tinggi yang menyaksikan belanjawan dikurangkan sebanyak RM2.4 bilion, kepada RM1.378 bilion.

Pada 1 Mac 2016, kerajaan menghapuskan subsidi seguni tepung gandum seberat 25 kilogram, namun kerajaan masih kekalkan subsidi bagi 1 kilogram tepung gandum pada harga RM1.35.

Biasiswa JPA juga telah dikurangkan di mana peluang untuk pelajar belajar di luar negara telah dihentikan dengan alasan kerajaan

kena kurangkan perbelanjaan.

6. Harga rumah naik

Pada 11 September 2015, Persatuan Pemaju Hartanah Dan Perumahan Malaysia (REHDA) menyatakan bahawa akibat daripada pelaksanaan GST, kebanyakan pemaju di Semenanjung Malaysia terpaksa mengalami kenaikan perbelajaan dalam perniagaan mereka dan ini menyebabkan kos dan harga hartanah dan rumah pun naik. Dalam kajian yang dijalankan oleh REHDA pada Januari dan Jun 2015, sebanyak 94% kos telah meningkat dan responden dalam kajian tersebut menyatakan bahawa kos meningkat lebih 5% selepas pelaksanaan GST.

15 PERSOALAN

1. Apakah jumlah sebenar cukai GST yang dikutip dari bulan April 2015 hingga Disember 2015?
2. Apakah jumlah sebenar cukai GST yang dikutip dari bulan Januari 2016 hingga Mac 2016?
3. Sila maklumkan dengan terperinci bagaimana jumlah yang dikutip itu dibelanjakan? Berikan pecahan pengagihan pendapatan cukai.
4. Bagaimana dan untuk apa cukai GST yang dikutip telah digunakan?
5. Sepatutnya GST menggantikan SST yang lama, namun nampaknya ia telah digabungkan menyebabkan harga barang naik. Bagaimana pihak Kastam memastikan bahawa SST dihapuskan terlebih dahulu sebelum Cukai GST ditambahkan?
6. Mengapakah kutipan GST tidak digunakan untuk subsidikan pengangkutan awam yang mengalami kenaikan harga mendadak?
7. Mengapakah kutipan GST tidak digunakan untuk subsidikan atau kekalkan subsidi untuk barangan asas seperti beras tempatan, gandum, minyak masak?
8. Mengapakah kutipan GST tidak digunakan untuk mengekalkan peruntukan untuk Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin?
9. Mengapakah kutipan GST tidak digunakan untuk mengekalkan peruntukan biasiswa JPA?
10. Mengapakah kutipan GST tidak digunakan untuk subsidikan kenaikan tol?
11. Mengapakah kutipan GST ini tidak digunakan untuk meringankan beban pekerja migran yang dikenakan caj hospital yang melampau, iaitu RM 600 deposit sebelum dihantar ke wad dan deposit RM 1200 untuk pembedahan atau kelahiran bayi?
12. Adakah cukai GST akan digunakan untuk memudahkan warga berpendapatan rendah dalam pembelian rumah mampu?
13. Adakah GST digunakan untuk membayar hutang 1MDB?
14. Adakah kutipan GST digunakan untuk membantu golongan OKU?
15. Adakah peratusan GST akan dinaikkan atau diturunkan dalam masa terdekat?

Persoalan rakyat yang perlu dijawab



Melihat kepada keadaan yang sebenar, maka ternyata pihak Kerajaan gagal untuk mengawal, memantau dan menguatkuasakan apa yang dijanjikan sebelum GST dilaksanakan.

Sejak awal lagi, Gabungan Bantah GST telah memaklumkan bahawa, perkara-perkara seperti di atas akan berlaku, namun kerajaan tidak mendengar seruan kami dan telah melaksanakan cukai GST.

Dalam keadaan yang sedemikian, beberapa persoalan telah diajukan kepada pihak Kastam berkenaan dengan pengurusan kutipan cukai GST.

Gabungan Bantah GST telah menyuarakan harapannya supaya pihak Jabatan Kastam dapat dan akan menjawab segala soalan-soalan yang diutarakan dengan jujur dan secara terbuka.

Semua rakyat Malaysia mempunyai hak untuk dimaklumkan tentang bagaimana duit kutipan cukai ini digunakan.

Dalam keadaan negara yang mengalami masalah dari segi

pengurusan kewangan dan keadaan ekonomi yang tidak stabil ini, memang rakyat mengharapkan supaya wang cukai GST ini telah dan akan dibelanjakan untuk program yang berguna bagi rakyat dan bukannya untuk membina sebarang bangunan mewah, atau digunakan untuk perbelanjaan peribadi atau pusat membeli-belah yang tiada faedah kepada rakyat.

Ini adalah duit rakyat dan ianya seharusnya digunakan untuk rakyat, khususnya rakyat yang berpendapatan rendah yang hidup sengsara akibat pelaksanaan cukai GST ini. ##



Dana politik dan korupsi

Sistem demokrasi sendiri telah menjadi punca korupsi yang utama di beberapa negara, termasuk Malaysia. Ini kerana semua parti politik yang ingin bersaing dalam sistem pilihanraya memerlukan dana. Perlunya dana untuk menampung kos membuka pejabat-pejabat cawangan; perlu adanya beberapa orang kakitangan; kena bayar untuk pengangkutan pemimpin ke merata tempat; perlunya sewa dewan untuk ceramah dan sebagainya.

Di negara-negara seperti Malaysia di mana tiada peraturan untuk menghulurkan dana umum kepada parti-parti, hanya ada 3 cara untuk mendapatkan dana untuk kegiatan politik, iaitu:

1. daripada ahli dan penyokong parti;
2. daripada ahli perniagaan;
3. ataupun melalui kontrak lumayan yang diluluskan kepada kroni dengan sebutharga yang terlalu tinggi.

Pemberian kontrak kepada kroni dengan sebutharga tinggi adalah korupsi. Rakyat ditipu kerana duit mereka yang diamanahkan kepada kerajaan itu telah disalahgunakan.

Derma daripada ahli korporat juga menghakis demokrasi, kerana biasanya ada udang di sebalik batu. Ahli korporat yang menderma mengharapkan sesuatu - mungkin lesen, kontrak, polisi yang bernesra bisnis dan sebagainya.

Isu ini sudah menjadi salah satu antara isu pokok dalam pemilihan awal untuk Presiden Amerika Syarikat. Calon berhaluan kiri, Bernie Sanders, telah mendakwa bahawa calon-calon lain adalah dipengaruhi oleh puak 0.1% terkaya yang sedang menderma berjuta-juta dollar Amerika kepada kempen mereka.

Cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan memperuntukkan dalam Belanjawan Persekutuan, suatu jumlah dana yang dibayar kepada setiap parti politik setiap



tahun, dan pada masa yang sama mengharamkan derma daripada kaum korporat.

Pengagihan peruntukan kerajaan kepada parti-parti politik harus dilaksanakan dengan kaedah yang adil. Cara terbaik adalah untuk membenarkan rakyat menentukan pengagihan ini.

Dalam setiap pilihanraya umum, seorang pengundi sekarang dapat 2 kertas undi – satu untuk pilih Ahli Parlimen dan satu lagi untuk ADUN. Kami mensyorkan kertas undi ketiga yang dicetak nama-nama kesemua parti yang berdaftar di Malaysia sama ada mereka meletakkan calon di kawasan itu atau tidak. Parti yang dipilih daripada senarai di kertas undi ketiga ini akan menerima RM 10 daripada kerajaan setiap tahun untuk setiap orang yang memilih parti itu. Bayaran ini akan berterusan setiap tahun sehingga pilihanraya

umum yang baru.

Ertinya jika 1 juta orang memilih parti X, parti X akan dibayar RM 10 juta setiap tahun sehingga PRU akan datang.

Kita ada 13 juta pengundi di Malaysia. Syor ini bererti bahawa setiap tahun RM 130 juta harus diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan untuk dana ini. Memang satu jumlah yang besar - tetapi harus dilihat dalam perspektif sebenar. Bajet Persekutuan adalah RM 280 bilion untuk tahun 2016. RM 130 juta tidak sampai 0.05% pun. Tetapi peruntukan ini dapat memantapkan lagi demokrasi dengan mengurangkan pengaruh 0.1% yang terkaya terhadap sistem politik kita.

Ini harus dijadikan satu daripada reformasi politik yang kita ingin laksanakan di Malaysia. ##



Perkeso peroleh kuasa untuk berniaga



Kementerian Sumber Manusia telah membentangkan 5 pindaan terhadap Akta Perkeso di Dewan Rakyat pada bulan Mac yang lalu. Antara pindaan-pindaan ini adalah untuk memberi kuasa kepada majikan PERKESO untuk "menubuhkan syarikat" dan "mengendalikan apa-apa projek, usahasama, program

penswastaaan, perusahaan atau apa-apa perkara yang lain". Pada takat ini, dalam Akta yang sedia ada, Perkeso boleh membeli dan memiliki bangunan untuk tujuan dijadikan sebagai pejabat dan pusat rawatan ahli.

Beberapa orang wakil rakyat pembangkang telah menyoal rasionalnya untuk memperluaskan kuasa Perkeso dalam memasuki arena perniagaan. Ruang yang sedia ada sekarang sudah cukup untuk memiliki bangunan-bangunan yang bertujuan menempatkan pejabat, membuka klinik Perkeso sendiri dan pusat rawatan fisioterapi bagi ahli-ahli Perkeso yang memerlukan perkhidmatan itu. Apakah jenis perniagaan baru yang ingin diceburi Perkeso dengan kuasa yang lebih luas ini? Menteri Sumber Manusia tidak menjawab soalan ini.

Satu lagi pindaan yang menimbulkan

kerisauan adalah pindaan untuk menggugurkan wakil Bank Negara daripada Panel Pelaburan Perkeso. Pada takat ini, ahli panel ini yang memutuskan kaedah pelaburan RM 30 bilion dana simpanan Perkeso, dengan terdiri daripada 10 orang ahli, dan satu daripada mereka adalah seorang wakil daripada Bank Negara. Wakil ini akan digugurkan.

Pihak pembangkang menyoalkan cadangan kerajaan ini kerana dana yang dijaganya adalah besar – RM 30 bilion, dan ini merupakan dana untuk kebajikan pekerja. Menteri menjawab dengan mengatakan wujudnya pertindihan antara Panel Pelaburan Perkeso dan Bank Negara jika wakil Bank Negara terus menganggotai panel itu. Pihak pembangkang membalas dengan mengatakan kami tidak nampak sebarang pertindihan. Dr Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen PSM, telah mengesyorkan pindaan terhadap

pindaan untuk mengekalkan wakil Bank Negara dan juga menyertakan dua orang wakil Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) ke dalam Panel Pelaburan. Usul pindaan terhadap pindaan diterima dan dibahas selama sejam dengan sokongan beberapa wakil rakyat pembangkang.

Beberapa wakil rakyat pembangkang berhujah bahawa dalam situasi di mana ketelusan institusi kerajaan diragui dan penyelewengan berlaku dalam pengendalian wang rakyat, adalah berpatutan untuk memperkukuhkan mekanisme semak dan imbang (*check and balance*). Tetapi, akhirnya usul pindaan ini ditolak dalam undian Dewan Rakyat.

Pindaan yang dibawa oleh kerajaan diluluskan tanpa sebarang perubahan. Inilah prestasi demokrasi di Malaysia! ##

Merungkai salah faham Muslim terhadap Sosialis

oleh Nik Aziz Afiq Bin Abdul
AJK Pusat Pemuda Sosialis

Satu tembok penghadang telah terbina dalam pemikiran masyarakat Muslim bahawa Sosialis adalah sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam.

Tembok ini terbina sejak sekian lama dan hari demi hari ia semakin diperkuatkan oleh mulut beberapa orang "agamawan" yang terus menerus wujudkan sentimen permusuhan tanpa menggalakkan masyarakat untuk mengkaji apakah itu sosialis yang sebenarnya. Sosialis dilihat sebagai salah satu musuh dalam ghazwah al fikr (perang pemikiran) dan sengaja disebar kepada masyarakat awam yang kurang faham mengenai agama beberapa petikan ayat dalam buku-buku dan kata-kata tokoh sosialis dengan tujuan salah, iaitu bertujuan untuk memburukkan sosialis.

Antara beberapa alasan mereka gunapakai ialah:

- a) Sosialis diasaskan seorang bukan Muslim bernama Karl Marx. Mengapa perlu terima ajaran seorang kafir?
- b) Sosialis tidak mendidik pengikutnya berkenaan akhirat, dosa pahala dan syurga neraka, tidak lengkap kerana hanya fokus isu keduniaan semata-mata tanpa menyentuh soal akhirat.
- c) Sosialis anti-agama, anti-tuhan, menyertai sosialis akan menjadikan seseorang itu berubah sebagai ateis.
- d) Sosialis menindas dan menyekat kemewahan seseorang sedangkan Islam membenarkan umatnya untuk

mengumpul harta namun perlu dengan cara betul dan membayar zakat.

Saya bercadang untuk mengupas poin tersebut secara bersiri. Untuk tulisan kali ini, poin pertama akan kita bincangkan bersama dan semoga tembok tersebut berjaya diruntuhkan sedikit demi sedikit.


Bolehkah mengikuti ajaran seorang kafir?

Ini yang selalu bermain di fikiran. Islam yang diajarkan melalui Baginda Muhammad S.A.W telahpun diisytiharkan sebagai lengkap dan sempurna pada wahyu-wahyu terakhir sebelum kewafatan Baginda. Maka, apa keperluan untuk menerima lagi ajaran lain sedangkan ajaran Islam itu telah lengkap tambahan pula ajaran yang ingin diterima itu diasaskan seorang kafir?

Pertama, apakah yang dimaksudkan sebagai lengkap? Adakah lengkap bermaksud tidak ada sebarang perkara akan berubah sejak dari perisytiharan bahawa Islam itu telah lengkap?

Perlu kita fahami Islam itu terbahagi kepada beberapa teras utama, iaitu aqidah (pegangan iman), ibadah (hubungan dengan Allah), muamalah (hubungan dengan sesama makhluk), akhlak (adab dan sahsiah diri). Aqidah dan ibadah adalah mandatori, ia tidak boleh berubah sampai kiamat. Tidak boleh ditokok tambah sesuka hati dan tidak boleh dibuang mengikut selera. Ini yang dikatakan lengkap dan tidak berubah.

Namun, dalam urusan muamalah dan akhlak ia berubah mengikut peredaran dan kesesuaian zaman.



Jika dulu manusia tidak berkereta hanya menunggang haiwan, adakah salah untuk umat Islam hari ini menggunakan kereta?

Adakah Islam menghadkan hanya kereta jenis tertentu dan jenama tertentu sahaja yang boleh dibeli? Tidak ada. Untuk urusan kelangsungan hidup, maka terserahlah atas kebijaksanaan dan kesesuaian masyarakat tersebut asalkan tidak bercanggah dengan aqidah dan ibadah yang lengkap tadi.

Sama juga dengan sosialis, ia merupakan pandangan atau pendapat dalam menguruskan ekonomi. Agar kelangsungan hidup masyarakat tidak dieksploitasi oleh golongan tamak yang menindas. Adakah dengan mengambil kira pandangan sosialis menyebabkan gugur aqidah seseorang itu? Adakah jika anda bersetuju dengan sosialis, maka anda tidak boleh meneruskan ibadah seperti biasa?

Eh, tapi pengasas sosialis ni orang

kafir! Adakah pengasas kereta, peti sejuk, kapal terbang dan sebagainya bukan seorang yang kafir juga? Mengapa itu boleh digunapakai tapi sosialis tidak?

Jika melihat lebih sedikit, demokrasi dan sistem pilihanraya bukanlah ajaran Islam. Namun mengapa begitu ramai orang yang digelar (atau menggela diri sendiri) sebagai ulama dan ustaz menyertai parti politik dan bertanding pilihanraya?

Oh, itu sebagai wasilah (alat) semata-mata kata mereka.

Jika begitu, salah dan silapnya di mana jika ada Muslim yang ingin menjadikan sosialis sebagai wasilah juga?


Bukankah itu satu pilih kasih yang ketara?

Tunggu siri berikutnya! ##

Tahukah anda?

Bernie Sanders, salah seorang pesaing yang sedang bertanding dalam pemilihan awal Parti Demokrat untuk penamaan calon pilihanraya Presiden AS, bukannya ahli politik sosialis yang pertama bertanding untuk jawatan Presiden AS.

Lebih kurang satu abad yang lalu,



seorang sosialis yang bernama Eugene V. Debs telah bertanding sebanyak 5 kali dalam pilihanraya Presiden AS, iaitu pada tahun 1900, 1904, 1908, 1912 dan 1920.

Eugene V. Debs (1855-1926) merupakan seorang tokoh kiri dan pemimpin gerakan pekerja yang terkenal di AS. Beliau merupakan pengasas untuk Industrial Workers of the World (IWW) dan Parti Sosialis Amerika. Debs telah ditahan dan dijatuhkan hukuman penjara 10 tahun di bawah Akta Hasutan 1918 (yang kemudiannya dimansuhkan pada tahun 1920) kerana bersuara membantah penyertaan AS dalam Perang Dunia I. Beliau mati dalam penjara pada tahun 1926. Debs merupakan satu-satunya calon Presiden AS yang bertanding semasa dalam penjara.

Kembali kepada Bernie Sanders yang menggelar dirinya sebagai seorang Sosialis Demokratik, sebenarnya tidak begitu kiri berbanding dengan golongan kiri

yang lain di AS. Dasar yang dibawa Sanders hanya lebih kepada mengembalikan dasar ekonomi "New Deal" yang dibawa oleh Franklin D. Roosevelt semasa beliau menjadi Presiden AS pada tahun 1930-an.

New Deal merupakan siri program domestik yang dilaksanakan oleh pentadbiran Roosevelt untuk menangani kegawatan ekonomi yang serius. Tujuan pelaksanaan New Deal adalah menjamin hak ekonomi rakyat AS, termasuklah gaji minimum, had tempoh masa kerja 40 jam seminggu, insurans pengangguran, kebajikan pencen dan pengawalan yang lebih ketat ke atas bank-bank.

Sanders berpandangan bahawa perlu menaikkan cukai ke atas korporat besar dan mereka yang terkaya, untuk mewujudkan sistem kebajikan sosial seperti yang wujud di Eropah Utara.

Walaupun "sosialisme" yang dibawa oleh Sanders itu adalah sesuatu

yang begitu sederhana sekali dalam mencabar susunan sistem kapitalis global, malah boleh dikatakan ia hanya sekadar pengubahsuaian ke atas sistem itu untuk terus berfungsi, namun bagi oligarki sistem kewangan Wall Street yang menguasai ekonomi AS hari ini, apa yang dibawa oleh Sanders dianggap sebagai satu pendirian politik yang sangat radikal.

Kempen pilihanraya Sanders juga berjaya menangkap imaginasi anak muda di AS tentang alternatif yang berbeza daripada susunan kapitalis pasaran bebas yang didominasi oleh korporat besar hari ini. Ini telah membuka satu ruang baru untuk gerakan kiri di AS dan juga dapat merangsang gerakan kiri di negara-negara lain. ##




Kenneth Kaunda - Presiden Zambia yang Pertama

Kenneth Kaunda adalah seorang pejuang kemerdekaan untuk tanahairnya, iaitu Zambia. Sebagai seorang guru, beliau melibatkan diri dalam gerakan kemerdekaan dan telah menubuhkan parti UNIP - *United National Independence Party*, pada tahun 1960. Beliau dipenjarakan oleh penjajah British pada tahun 1955 dan sekali lagi pada tahun 1959. Pada Januari 1964, UNIP menang majoriti besar dalam Parlimen Zambia, dan pada 24 Oktober 1964, Zambia telah mencapai kemerdekaan dengan Kaunda sebagai Presiden yang pertama.

Zambia menghadapi banyak cabaran pada takat mencapai kemerdekaan. Pihak Syarikat British South African hanya membina infrastruktur untuk kawasan perlombongan kuprum di wilayah utara. Perkhidmatan kesihatan dan pendidikan amat ketinggalan di belakang. Pada saat kemerdekaan, kurang daripada 1% rakyat telah belajar sampai darjah 6, dan hanya ada 109 orang graduan universiti di dalam negara itu.

Kenneth Kaunda berpegang pada fahaman Sosialis bersifat Kristian. Beliau percaya bahawa sebuah masyarakat harus menjaga orang yang miskin dan terpinggir. Lapisan miskin mesti dibela. Kekayaan negara harus dikongsi dengan semua penduduknya. Kaunda berhujah bahawa ideologi ini adalah selaras dengan etos tradisi Afrika di mana masyarakat diutamakan dan semua ahlinya saling membantu



Kenneth Kaunda

antara satu sama lain. Kaunda menggelarkan ideologinya Kemanusiaan Afrika (*African Humanism*) dan telah cuba melaksanakan polisinya selaras dengan falsafah politik ini.

Kenneth Kaunda telah memulakan proses membina sekolah, jalanraya, hospital, loji hidro-elektrik, landasan keretapi dan sebagainya. Kerajaan juga telah membayar subsidi supaya makanan asas dapat dibeli dengan harga murah. Kesemua ini memerlukan dana. Manakah puncanya untuk mendapatkan dana di negara yang baru melepaskan diri daripada cengkaman penjajah?

Pada tahun 1969, Kaunda telah "memiliknegerakan" syarikat-syarikat perlombongan yang besar dengan membeli (dengan harga murah) 51% daripada saham mereka. Selepas itu, beberapa buah syarikat insurans dan syarikat pembinaan juga diambilalih dengan kaedah yang serupa. Syarikat-syarikat ini gelar "parastatal" – lebih kurang seperti Syarikat Berkait Kerajaan (GLC) di Malaysia. Tujuan Kaunda adalah untuk menggunakan keuntungan sektor perlombongan dan kewangan untuk membiayai pembangunan infrastruktur negara.

Selain daripada kekurangan dana, Zambia juga menghadapi masalah tribal (suku etnik) dan setiap kali pilihanraya berlakunya persaingan politik antara pemimpin untuk meningkatkan ketegangan antara

kumpulan-kumpulan tribal.

Oleh kerana masalah-masalah ini, Kaunda telah membuat keputusan pada tahun 1973 untuk menyekat amalan demokrasi dengan isytiharkan negara satu parti (*one-party state*) di mana hanya partinya, UNIP dibenarkan berfungsi. Oleh kerana beliau masih sangat popular pada masa itu, orang ramai telah menerima pengisytiharan ini. Pilihanraya masih diadakan tetapi ketiga-tiga calon untuk setiap kawasan adalah calon UNIP yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi UNIP.

Pada pertengahan 1970-an, kegawatan ekonomi dunia telah berlaku akibat krisis minyak. Harga kuprum di pasaran dunia merudum. Kaunda terpaksa meminjam duit daripada luar negara untuk meneruskan dengan program pembangunan negara dan telah berjaya meneruskan program pembangunannya untuk beberapa tahun lagi.

Selain daripada harga kuprum yang rendah, Kaunda tidak dapat mengawal amalan korupsi di kalangan pemimpin politik, pegawai kerajaan dan syarikat parastatal. Pada pertengahan 1980-an, hutang Zambia sudah sampai ke tahap kritikal dan Kaunda tidak dapat meminjam wang lagi daripada bank-bank swasta di luar negara. Beliau



Chiluba

terpaksa minta bantuan IMF. IMF pun setuju membantu, tetapi selepas beberapa bulan, ia menasihatkan Kaunda supaya kurangkan program subsidi untuk mengimbangi belanjawan. Kaunda tidak bersetuju dan menghalau IMF serta cuba menguruskan ekonomi negara tanpa bantuan IMF. Tetapi beliau tidak dapat berbuat demikian dan terpaksa menjemput semula IMF. Syarat IMF adalah sama juga, iaitu potong subsidi tepung jagung, kurangkan perbelanjaan dan kesihatan dan sebagainya. Kaunda pun terpaksa akur. Protes jalanan secara besar-besaran telah berlangsung di Lusaka pada tahun 1987. Pada masa yang sama, seorang pemimpin kesatuan pekerja

bernama Frederick Chiluba telah menubuhkan gerakan politik yang bergelar *Movement for Multiparty Democracy* (MMD). Kaunda cuba menyekatnya. Tetapi IMF juga memberi tekanan. Pada Jun 1990, beberapa pegawai tentera telah melancarkan percubaan mengguling Kaunda selepas tentera dipakai untuk mengawal protes jalanraya yang tercetus ekoran kenaikan harga tepung jagung sebanyak 100% (kerana IMF mahu Kaunda mengimbangkan belanjawan). Pemberontakan ini tidak berjaya, tetapi selepas itu Kaunda bersetuju mengadakan pilihanraya yang terbuka di mana parti-parti lain dapat meletakkan calon. Pilihanraya umum ini diadakan pada tahun 1991 dan parti MMD menang besar. Kaunda akur pada kehendak rakyat dan menyerahkan kuasa kerajaan kepada Chiluba, Presiden MMD.

Chiluba adalah seorang yang memeluk ideologi neoliberal. Beliau menubuhkan agensi untuk menswastakan semula sektor-sektor yang dimiliknegerakan oleh Kaunda dan menjemput pelaburan asing dengan polisi mesra pada perniagaan. Inilah ajaran IMF dan Bank Dunia sejak dulu.

Pada tahun 2014 dan 2015, ekonomi Zambia telah berkembang pada kadar 6%. Tetapi kadar kemiskinan masih melebihi 70% - iaitu pendapatan isi rumah di bawah RM 700 sebulan! Kadar kematian kanak-kanak sebelum sampai umur 5 tahun adalah 89 untuk setiap 1000 kelahiran (berbanding 7.7/1000 untuk Malaysia). Namun, elit masyarakat Zambia hidup dalam keadaan amat mewah.

Inilah nasib beberapa negara Afrika yang berada di selatan Sahara (Sub-Saharan). Walaupun merdeka, mereka masih terperangkap dalam kemiskinan kerana kekurangan dana untuk membangunkan negara, hutang besar kepada pihak luar, sikap korup di kalangan pemimpin, kerakusan di kalangan 10% rakyat terkaya dan nasihat buruk daripada pihak IMF dan Bank Dunia. Majoriti rakyat mereka hidup dalam sengsara. ##

Jadual perbandingan angka statistik penting antara Zambia dengan Malaysia		
	Zambia	Malaysia
Jumlah penduduk	16 juta	30 juta
Keluasan	752,618 km ²	330,803 km ²
Pendapatan per kapita (PPP)	USD 4,113	USD 25,833
Koefisien Gini	0.575	0.462
Kadar kemiskinan	74.5%	<4%
Jangka hayat lelaki	55 tahun	70 tahun (2012)
Kematian di bawah umur 5 tahun	89/1000	7.7/1000
Kematian ibu yang hamil	440/100,000	29/100,000

Menjejak sejarah Hari Mei Satu Perjuangan pekerja diteruskan

Asal usul Hari Pekerja Sedunia

Setiap tahun pada 1 Mei, kita akan meraih sambutan Hari Pekerja Antarabangsa. Hari Pekerja Antarabangsa bukan sekadar satu hari cuti biasa sahaja, tetapi merupakan hari untuk memperingati perjuangan pekerja sebelum ini yang telah membuahkan hasil, iaitu hak pekerja yang kita nikmati hari ini. Ini juga merupakan satu hari yang mengingatkan semua pekerja bahawa kita perlu teruskan usaha kita dalam membina kuasa pekerja demi terus memperjuangkan hak pekerja dan mempertahankan hak-hak pekerja yang dimenangi melalui perjuangan pekerja.

Asal usul sambutan Hari Pekerja Antarabangsa boleh dijejak sekurang-kurangnya lebih 160 tahun dahulu, berkait rapat dengan gerakan pekerja menuntut kerja 8 jam sehari. Pada abad ke-19, apabila sistem ekonomi kapitalis berkembang pesat di negara-negara Eropah dan tempat-tempat lain, para pekerja telah dipaksa bekerja untuk jangka masa yang panjang dalam

satu hari, sampai 16 jam sehari pun ada. Oleh itu, kerja 8 jam sehari menjadi satu tuntutan asas untuk gerakan pekerja pada masa itu.

Pada tahun 1856, pekerja Australia telah melakukan mogok satu hari di samping mengadakan perhimpunan dan aktiviti riadah, untuk mengemukakan tuntutan mereka untuk kerja 8 jam sehari. Sambutan tersebut diadakan pada 21 April 1856. Pada masa itu, pekerja-pekerja hanya bercadang untuk melakukan aktiviti tersebut sekali sahaja, tetapi tanpa dijangka ia telah menggalakkan para pekerja Australia untuk menganjurkan aktiviti yang serupa setiap tahun selepas itu.

Kemudiannya pada 1 Mei 1886, pekerja-pekerja di Amerika Syarikat (AS) telah mengadakan satu aksi mogok besar-besaran dengan seruan “8 jam kerja, 8 jam rehat, 8 jam untuk diri sendiri!” Lebih 300,000 orang pekerja telah bermogok dan turun berdemostrasi pada hari itu di seluruh AS, dengan jumlah paling

besar di Chicago, iaitu lebih kurang 30,000 orang pekerja bermogok. Aksi yang menonjolkan kekuatan pekerja tersebut telah menggegarkan golongan kapitalis. Kapitalis telah menggunakan polis dan samseng untuk memukul pekerja yang bermogok. Pada 4 Mei 1898, berlakunya “Peristiwa Haymarket” di Chicago, di mana ada pekerja yang mati ditembak, dan ada ramai lagi ditahan dan dijatuhkan hukuman tanpa bukti yang kukuh.

Namun, gerakan pekerja tidak berundur selepas pemukulan yang hebat, malah meneruskan usaha perjuangan untuk kerja 8 jam sehari, sehingga ia menjadi jaminan hak yang paling asas untuk pekerja seluruh dunia.

Pada tahun 1889, dalam satu mesyuarat yang diadakan semasa Kongres Pertama Internasional Kedua, telah diluluskan usul untuk mengadakan demonstrasi antarabangsa pada tahun 1890



semasa ulangtahun protes Chicago, iaitu pada 1 Mei 1890. Kemudiannya tarikh 1 Mei telah menjadi Hari Pekerja Sedunia secara rasminya.

Hari 1 Mei telah menjadi inspirasi kepada golongan pekerja untuk berpendirian tegas dalam memperjuangkan hak dan maruah. Selain kerja 8 jam sehari, hak asasi pekerja seperti pelaksanaan undang-undang gaji minimum, pencen, kebebasan menubuhkan kesatuan sekerja, tabung pemberhentian kerja dan sebagainya, merupakan hasil daripada perjuangan pekerja di seluruh dunia dalam seratus tahun yang lepas.

Sambutan 1 Mei pernah diharamkan di Malaysia

Di negara kita, sebelum kerajaan penjajah British mengisytiharkan Darurat pada tahun 1948, dalam tempoh masa 3 tahun selepas Perang Dunia II, telah wujudnya gerakan pekerja yang hebat di

Tanah Melayu. Selain menuntut hak asasi pekerja, gerakan pekerja juga menjadi kuasa progresif dalam perjuangan menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan.

Kerajaan penjajah British telah

memukul secara keras aktiviti-aktiviti kesatuan sekerja semasa Darurat, dan mengharamkan sambutan Hari Pekerja. Gerakan pekerja di negara kita telah mengalami kemerosotan selepas gelombang penindasan yang berterusan pada tahun 1960-an

hingga 1970-an.

Hanya selepas menuntut untuk bertahun-tahun lamanya, kerajaan Malaysia akhirnya mengiktiraf 1 Mei sebagai Hari Pekerja pada tahun 1972, tetapi hari tersebut hanya diumumkan sebagai hari cuti umum pada tahun 1979.

Bukan sekadar cuti umum biasa

Sememangnya rejim yang pro-kapitalis tidak inginkan para pekerja memahami makna sebenarnya sambutan Hari Pekerja Antarabangsa pada 1 Mei. Oleh yang demikian, kerajaan dan golongan kapitalis cuba memperbodohkan rakyat supaya rakyat akan menganggap 1 Mei itu hanyalah cuti umum yang biasa, dengan cara-cara seperti mengadakan jamuan makan, perhimpunan yang mengagung-agungkan pimpinan negara, atapun jualan murah di pasaraya.

Sejak tahun 1994, kumpulan-kumpulan masyarakat di negara kita telah mengadakan secara sendiri himpunan Hari Pekerja Sedunia. Pada 1 Mei 1994, seramai 3000 orang berhimpun di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur, dengan mengemukakan tuntutan pekerja dan peneroka bandar. Perhimpunan tersebut merupakan pertama kali adanya aksi massa pada Hari Pekerja Sedunia selepas ketidakwujudan gerakan pekerja untuk 2 dekad sebelum itu.

Aksi himpunan tersebut kemudiannya dianjurkan setiap tahun oleh Jawatankuasa Mei Satu, yang terdiri daripada kumpulan masyarakat akar umbi seperti Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) dan juga parti-parti politik yang progresif seperti Parti Sosialis Malaysia (PSM).

Aksi sambutan Hari Pekerja Antarabangsa anjuran Jawatankuasa Mei Satu telah berterusan untuk lebih 20 tahun. Bukannya setiap tahun himpunan Hari Mei Satu berjalan secara lancar tanpa insiden. Ada beberapa kali

perhimpunan Hari Pekerja telah dihalang oleh pihak berkuasa.

Pada tahun 2002, semasa para peserta aksi Hari Pekerja berarak ke KLCC, mereka telah dihalang oleh pihak polis dan belasan orang telah ditangkap. 3 orang yang menghantar makanan kepada mereka yang ditahan di balai polis turut ditangkap.

Pada tahun 2011, para peserta Hari Pekerja pada asalnya bercadang untuk berarak dari Chow Kit ke Dataran Merdeka, tetapi dihalang lagi oleh pihak polis. Seramai 17 orang telah ditangkap pada hari itu.

Dasar pro-kapitalis menghakis hak pekerja

Sejak zaman Mahathir, kerajaan Barisan Nasional (BN) telah mengamalkan dasar ekonomi neo-liberal. Demi melindungi kepentingan golongan kapitalis birokrat negara dan korporat trans-nasional, kerajaan telah membawa dasar-dasar yang menghakis hak pekerja dan melebarkan jurang pendapatan antara yang kaya dengan yang miskin.

Dasar-dasar neoliberal termasuklah penswastaan, di mana sejak 30

tahun yang lalu, kerajaan telah menswastakan perkhidmatan awam satu demi satu, dari bekalan elektrik, air, pengangkutan awam, sehinggalah sistem pendidikan dan kesihatan. Kerajaan yang pro-kapitalis telah menggadaikan hak asasi rakyat kepada pihak swasta dan kroni untuk mengaut keuntungan. Dasar-dasar ini telah diteruskan oleh Perdana Menteri sekarang, Najib Razak.

Di bawah pemerintahan Najib, nasib

pekerja masih tidak terbela, apabila pimpinan negara asyik membolot kekayaan untuk keluarga dan diri sendiri, di samping menggubal dasar-dasar mesra perniagaan yang menggadaikan hak rakyat bawahan. Pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) adalah salah satu contoh yang jelas bahawa kerajaan sanggup memeras rakyat biasa untuk mengurangkan cukai ke atas golongan yang kaya. Pemotongan subsidi yang menyebabkan kenaikan harga barang dan perkhidmatan asas telah membebankan lagi golongan

pekerja. Ini telah mewujudkan ketidakadilan sosial yang semakin serius. Yang kaya jadi lebih kaya, yang miskin terus merana.

Kewujudan sistem kerja kontrak juga menjejaskan pekerja kerana pekerja tiada lagi jaminan kerja dan kebajikan. Pekerja kita sedang terdedah kepada risiko pemberhentian kerja akibat daripada krisis ekonomi sedunia yang bakal melanda lagi.

(sambung di m/s 15)



Revolusi Periuk Belanga

Kerajaan yang korup telah dijatuhkan dengan periuk dan belanga

oleh Shazni Bhai

Setelah berita mengenai Kertas Panama dihebahkan, menyusul pula berita yang rakyat Iceland telah membantah sehingga menyebabkan Perdana Menteri meletak jawatan. Bukan sekali rakyat Iceland telah mendesak pentadbiran ditukar, malahan kali kedua.

Mungkin ada yang tak berapa pasti di mana Iceland berada, atau adakah wujudnya negara sedemikian nama. Secara peribadi, aku mula-mula mengenali Iceland melalui Bjork dan Sigur Ros. Kalau tak kerana itu, mungkin tidak tahu ada negara dengan nama ais. Sedemikian juga Malaysia. Pada tahun-tahun sebelum 90-an, jika disebut Malaysia kepada orang luar khususnya di barat, mungkin mereka akan membayangkan Malaysia ini berada dalam India. Namun kini Malaysia makin dikenali dunia dengan isu-isu politik wang yang saban hari menjadi tajuk berita dunia.

Iceland kaya dan indah. Itulah gambaran awal dari mulanya filem ini. Beberapa babak pemandangan negara itu disulam dengan muzik latar tempatan yang menenangkan. Akibat sikap media umum yang pilih bulu dalam penyiaran berita, tak ramai yang tahu apa telah berlaku di Iceland pada tahun 2008 hingga 2011. Krisis kewangan telah melanda pada Oktober 2008. Rakyat semakin tidak berpuas hati. Kejatuhan nilai mata wang, pengangguran berleluasa, dan kepercayaan terhadap kerajaan kian luntur. Oleh itu, rakyat telah turun ke jalan bagi menuntut perubahan pentadbiran. Filem dokumentari ini dibikin sebagai satu respon terhadap kekurangan liputan media antarabangsa. Inilah kebangkitan rakyat Iceland yang tak dikisahkan dunia.

Sebelum tahun 2008, selama ini Iceland ialah negara yang menikmati demokrasi melalui kaca TV plasma. Kemudian, kerajaan mula menswastakan bank awamnya. Banyak syarikat yang jatuh bankrap, menyebabkan ramai yang hilang

kerja. Ramai yang tidak mampu menampung kos hidup. Protes yang bermula dari cuma beberapa orang sahaja berkembang sehingga rakyat Iceland turun berdemonstrasi tanpa jemu selama lebih dari 2 tahun. Mereka bukan sahaja berdemonstrasi pada waktu siang malahan juga pada waktu malam. Selain memeriahkan lagi suasana protes dengan menghasilkan irama menggunakan periuk dan belanga, demonstran juga menari di keliling unggun api yang dinyalakan. Segalanya ini berlaku di hadapan bangunan parlimen.

Ketika protes sedang hangat di hadapan bangunan parlimen, seramai 30 orang telah merempuh masuk ke dalam. Setiap penentangan pasti ada risikonya. Reykjavik 9 adalah 9 orang yang telah dibicarakan atas pertuduhan mengganggu sistem demokrasi berparlimen. Ketika protes sedang hangat di hadapan bangunan parlimen, seramai 30 orang telah merempuh masuk ke dalam. Mereka telah ditahan oleh pihak polis. Daripada 30 orang yang telah ditahan, 9 orang telah dipilih untuk disabitkan kesalahan. Proses demokrasi di Iceland tidak berhenti begitu sahaja apabila akhirnya pemerintah undurkan diri akibat tekanan dari rakyat.

Perlembagaan telah dibikin semula. Suatu majlis jawatankuasa telah dibentuk, yang disertai oleh rakyat dari pelbagai latar belakang. Namun yang pastinya, mereka ini bukanlah ahli politik. Ini bermakna, ahli-ahli majlis jawatankuasa yang membentuk semula perlembagaan tidak dipengaruhi oleh motif karier politik. Suatu persidangan telah diadakan yang melibatkan rakyat dalam berbincang dan mendebatkan nilai-nilai yang dimahukan dalam perlembagaan yang baharu itu. Ia telah diadakan secara terbuka dan bersifat inklusif. Portal dalam talian untuk menerima masuk cadangan juga telah diadakan. Asalnya perbincangan bermula dengan pungutan suara berkenaan isu hutang negara. Kemudian 25 orang tanpa latar parti politik telah diundi untuk menganggotai himpunan

perlembagaan Iceland. Draf perlembagaan baharu yang dibikin dalam masa 4 bulan akhirnya telah disampaikan kepada parlimen setelah dibincangkan dan diundi untuk digunapakai oleh rakyat.

Keindahan Iceland diselang-selikan dengan temuramah yang disulam dengan muzik latar yang sememangnya memberikan rasa kenyamanan angin negara pulau di utara Eropah itu. Sumber laut dan khazanah alam seperti tasik dimilikiegarak. Mereka yang memberontak tidak mahukan khazanah alam berada di tangan segelintir orang-orang yang berkuasa sahaja. Rakyat bukan sahaja mahukan Iceland yang mempunyai ekonomi yang kemakmurannya saksama, malahan lestari. Apa yang lebih buruk dari krisis ekonomi ialah krisis alam. Itulah sebabnya perkara mengenai pengurusan alam semulajadi diletakkan dalam bab hak asasi dalam perlembagaan baharu itu. Sumber laut dan khazanah alam seperti tasik dimilikiegarak.

Boleh juga kita kutip dari filem dokumentari ini bahawa apa yang lebih penting dari kaedah membantah itu ialah pengisian perubahan itu sendiri. Kaedah yang dimaksudkan termasuklah pemilihan lokasi di hadapan parlimen dan dengan mengetuk periuk dan belanga. Pengisiannya pula boleh dilihat melalui bagaimana nilai-nilai sebenar yang dimahukan oleh masyarakat dipilih untuk disertakan dalam perlembagaan baharu. Cukup demokratik. Walau tidak padat dengan aksi bertempur dengan penguasa, tetapi inilah cerita Iceland. Cerita kebangkitan yang boleh diteladani. Rakyat dari pelbagai latar termasuk ahli akademik, peguam, aktivis, ahli kesatuan, seniman ditemuramah.



Tetapi Iceland bukanlah yang pertama berdemonstrasi dengan menggunakan periuk. Serbia pada tahun 1997 juga pernah melakukannya. Temuramah yang disusun dari mulanya penuh dengan pengalaman dan sebab mereka terlibat dengan protes. Ia kemudiannya menjadi perkongsian emosi ketika keputusan undian perlembagaan baharu diumumkan. Akhir sekali tidak terlepas juga kritikan terhadap gerakan protes itu sendiri dengan mempertimbangkan keadaan 2 tahun setelah berakhir protes dan protes-protes di negara lain. Filem dokumentari hasil projek Conscious Collective ini berdurasi kurang dari 55 minit.

Dapatkah rakyat Iceland membentuk masyarakat yang adil dengan menjatuhkan kerajaan sayap kanan ketika itu? Kalau benar, mengapa perlu membantah pula pemerintah yang baru-baru ini terlibat dengan skandal Kertas Panama? Benarkah ia suatu revolusi hakiki? Tonton dan nilailah sendiri. Oh ya, jangan lupa bawa periuk belanga kalau turun protes ke jalanan nanti. ##





Sistem kapitalis digerakkan oleh persaingan. Tanpa persaingan, tiadanya masyarakat kapitalis.

Persaingan dalam masyarakat kapitalis, adalah persaingan golongan kapitalis untuk mengumpul modal dengan memaksimumkan keuntungan.

Golongan kapitalis sanggup melakukan apa-apa sahaja demi survival dan menumpaskan pesaingnya dalam masyarakat kapitalis.

Jika masyarakat tidak lagi mempunyai persaingan, maka masyarakat itu bukan lagi masyarakat kapitalis. Ini kerana dengan tidak wujudnya lagi persaingan, pengumpulan modal dan kebanyakan aktiviti ekonomi kapitalis akan kehilangan motifnya.

Asas untuk persaingan:

- i. **Pasaran yang tiada had.**
- ii. **Kewujudan banyak pusat yang membuat keputusan,** khususnya keputusan berkaitan dengan pelaburan dan pengeluaran.

Mitos kapitalis adalah menganggap pasaran itu tiada had, tiada sempadannya. Jika adapun, mereka akan cuba sedaya upaya untuk menembusi sempadan itu untuk membuka pasaran yang lebih luas.

Keputusan untuk melaburkan modal dan mengeluarkan apa jenis barangan itu terletak pada kapitalis-kapitalis yang memiliki kilang-kilang berasingan. Mereka merancang dalam syarikatnya untuk menghasilkan barangan tanpa membuat penyelarasan dengan kapitalis yang lain, kerana mereka tidak mahu kapitalis lain menewaskan mereka dalam persaingan untuk mengumpul modal.



Jika seseorang kapitalis memonopoli semua pengeluaran dalam sesuatu sektor industri, persaingan tidak akan hilang, kerana masih wujudnya pasaran yang tiada had. Sektor industri tersebut perlu bersaing dengan sektor industri yang lain, untuk memperoleh sebanyak pasaran yang mungkin. Tambahan pula, pesaing luar juga mungkin muncul bila-bila masa, dan mula bersaing dalam sektor industri yang sama.

Jika pasaran kapitalis dihadkan, syarikat-syarikat korporat akan bersaing sesama sendiri untuk menguasai sebahagian pasaran yang terhad ini. Oleh itu, persaingan semestinya akan wujud juga.

Persaingan hanya boleh dihapuskan apabila kedua-dua di bawah ini berlaku serentak:

- i. Semua barangan dihasilkan oleh seorang pengeluar sahaja;
- ii. Pasaran dibekukan sepenuhnya, dan tiada lagi perluasan pasaran.

Kapitalis sentiasa mencari jalan untuk memperluaskan pasaran supaya dapat mengaut lebih keuntungan. Para kapitalis bersaing sesama sendiri untuk menjual barangan mereka, dan kapitalis yang dapat menghasilkan barangan yang dijual dengan harga lebih murah akan mempunyai kelebihan untuk bersaing.

Wujudnya satu fenomena yang dialektik dalam ekonomi kapitalis: oleh sebab pengeluaran komoditi pada kadar yang semakin cepat dalam industri kapitalis, nilai tenaga buruh akan semakin berkurangan; namun, disebabkan juga banyak barangan yang hanya digunakan oleh segelintir kecil orang dalam masyarakat sebelum ini telah bertukar menjadi barangan kegunaan ramai (kerana penurunan harga berikutan daripada pengeluaran secara besar-besaran), maka nilai tenaga kerja juga meningkat pada masa yang sama.

Pasaran yang tiada had, bukan sahaja perluasan dari segi geografi, tetapi juga melibatkan perluasan secara ekonomi dan kuasa beli. Secara geografi, memang ada hadnya untuk bumi kita, dan kita tidak berdagang dengan makhluk planet Marikh (jika ada). Namun, pasaran masih boleh berkembang dengan bertambahnya kuasa beli. Kuasa beli boleh bertambah dengan peningkatan pendapatan pekerja ataupun penurunan harga barangan kerana pengeluaran besar-besaran.

Apabila sistem perbankan berkembang dengan pesat, pinjaman wang kepada golongan pekerja juga menjadi satu cara untuk meningkatkan kuasa beli untuk memastikan perluasan pasaran. Seringkali juga kapitalis "mencipta" barangan baru yang tidak diperlukan sebelum ini, dan mengiklankannya sebagai sesuatu "keperluan", supaya dapat memperluaskan pasarnya. Ada juga kapitalis yang mengeluarkan barangan yang berjangka hayat lebih pendek supaya para pengguna akan menukarnya dengan membeli yang baru.

Pengejaran untuk keuntungan semestinya akan membawa kepada pembaziran.

Dengan adanya pengumpulan modal daripada penghasilan nilai surplus oleh pekerja, kapitalis boleh melabur lebih modal dalam pengeluaran untuk membeli mesin baru dan

(Bahagian 1)

menaiktaraf proses pengeluarannya sehingga boleh menghasilkan lebih barangan. Pengeluaran secara besar-besaran juga akan mengurangkan kos pengeluaran itu dan membolehkan seseorang kapitalis itu menewaskan pesaingnya yang tidak mampu menjual barangannya (kerana kos pengeluaran lebih tinggi).

Harga sesuatu barangan itu berkurang dengan peningkatan dalam kadar pengeluaran buruh. Ini kerana masa buruh yang diperlukan untuk menghasilkan sesuatu barangan itu semakin berkurang. Ini merupakan alat untuk kapitalis memperluaskan pasaran dan menewaskan pesaingnya. Cara untuk mengurangkan kos pengeluaran dan meningkatkan kuantiti pengeluaran adalah melalui perkembangan automasi, iaitu pengeluaran menggunakan mesin. Dalam sejarah perkembangan sistem kapitalis, "Revolusi Industri" tercetus dengan penggunaan enjin stim, kemudiannya berkembang pesat dengan penggunaan minyak petroleum, dan lepas itu tenaga elektrik.

Namun, automasi atau penggunaan mesin secara berleluasa membawa kepada satu masalah yang serius, iaitu mesin-mesin ini telah menggantikan tenaga buruh. Seperti yang dibincangkan sebelum ini, dalam komposisi organik modal (modal tetap / modal bolehubah), hanya tenaga buruh itu yang menghasilkan nilai baru, bukannya modal tetap yang termasuk mesin-mesin. Apabila pekerja kehilangan kerja akibat digantikan oleh mesin, mereka akan kehilangan rezeki, kerana mereka tidak dapat mencipta nilai baru yang dibayar sebagai gaji kepada mereka untuk membeli keperluan hidup. Pekerja juga merupakan pengguna, dan mereka tidak akan dapat membeli barangan yang dihasilkan dari kilang, maka kapitalis juga tidak akan mendapat nilai surplus kerana barangannya tidak dapat dijual.

(sambung di edisi yang akan datang)


sambung dari m/s 13

Jadikan 1 Mei hari kuasa pekerja

Disebabkan kehidupan rakyat biasa semakin tertekan dengan kenaikan harga barangan dan gaji yang rendah, tuntutan yang terdesak untuk golongan pekerja Malaysia hari ini termasuklah kenaikan gaji minimum, jaminan kerja, penubuhan tabung pemberhentian kerja, pengawalan ke atas harga barangan, jaminan untuk hak menubuhkan kesatuan sekerja, pemansuhan GST, hentikan penswastaan dan rumah selesa. Namun, elit pemerintah yang sibuk merampas kekayaan negara dan menyembunyikan kekayaan mereka di luar negara, tidak mungkin akan memandang serius tuntutan-tuntutan ini dan

mengambil tindakan konkrit untuk merealisasikan. Sebaliknya, dasar-dasar neoliberal yang memeras akan memburukkan lagi keadaan.

Hak pekerja, kebajikan pekerja dan maruah pekerja yang dinikmati pada hari ini bukannya jatuh secara sendiri dari langit, tetapi adalah hasil usaha perjuangan yang berterusan. Hak dan kebajikan yang dimenangi oleh perjuangan sebelum ini sedang dihakis oleh sistem kapitalis yang tamakkan keuntungan. Oleh yang demikian, perjuangan rakyat untuk menegakkan hak dan maruah pekerja perlu diteruskan. ##



Al-fatihah

Said Zahari

(1928 – 2016)

Said Zahari telah meninggal dunia secara tenangnya pada 12 April yang lalu.

Said Zahari merupakan seorang tokoh kiri yang terkenal di Tanah Melayu dan Singapura. Beliau pernah menyandang jawatan Ketua Editor Utusan Melayu, dan memimpin mogok wartawan pada tahun 1961 untuk membantah tindakan pengambilalihan akhbar tersebut oleh UMNO. Beliau pernah dipilih menjadi Pengerusi Parti Rakyat Singapura, sebelum beliau ditahan tanpa bicara oleh rejim Lee Kuan Yew dalam *Operation Coldstore* pada tahun 1963. Beliau telah ditahan di bawah Akta

Keselamatan Negeri (ISA) selama 17 tahun, menjadikannya tahanan politik yang kedua paling lama dalam sejarah Singapura.

Said Zahari tidak pernah mengkompromikan pendirian politiknya. Walaupun ditahan dengan begitu lamanya, beliau tidak pernah tunduk kepada Lee Kuan Yew.

Menurut S. Arutchelvan, AJK Pusat PSM, apabila mengenang detik-detik bersama Said Zahari, "Beliau pernah berkata kepada saya bahawa tugas kewartawanannya belum habis lagi, kerana beliau mahu bertanyakan satu soalan kepada Chin Peng, iaitu bagaimanakah Chin peng akan



memerintah Malaysia jika PKM berkuasa. Soalan tersebut tidak terjawab kerana Chin peng sudahpun meninggal dunia dan kini giliran pula Pak Zaid sendiri. Mereka akan terus dilabel oleh segelintir puak kanan sebagai orang jahat. Namun, jika kita rajin membaca, bacalah buku-buku Said Zahari dan

anda akan berasa rendah diri kerana apa yang kita lalui tidaklah sehebat apa yang pernah dilalui Pak Said. Anda juga akan faham bahawa untuk hidup secara berprinsip cukup susah, terutamanya apabila perlu mengorbankan kebebasan demi mempertahankan prinsip." ##

Dalam kenangan Komrad Parimala



dan awal Julai 2011, semasa PSM mengadakan kempen "Udahlah tu, bersarallah". Walaupun ditahan, Parimala masih kuat bersemangat untuk berjuang, dan beliau melibatkan diri sepenuhnya dalam kempen pembebasan EO6 sejurus dibebaskan dari lokap.

Parimala mula-mula melibatkan diri dalam perjuangan rakyat untuk keadilan sosial apabila pekerja-pekerja di Ladang Changkat Salak menghadapi pengusiran. Beliau berjuang untuk mendapatkan rumah alternatif dengan menyedari bahawa pekerja yang telah menaburkan titisan peluh dalam penjaan kekayaan

lumayan untuk syarikat perladangan patut diberi pampasan yang setimpal apabila tanah ladang dibangunkan.

Dalam perjuangan Ladang Changkat untuk perumahan alternatif, Parimala



Parimala, seorang ahli PSM di Sungai Siput, yang begitu berdedikasi dalam perjuangan rakyat sejak tahun 1999, telah meninggal dunia pada 12 April yang lalu kerana penyakit barah yang dihidapinya sejak tahun 2012.

Parimala telah menyertai hampir setiap perjuangan PSM, bukan sahaja di Sungai Siput dan Perak, tetapi di peringkat nasional juga. Beliau merupakan antara 30 orang anggota PSM yang ditahan di dalam lokap polis selama 10 hari di Kepala Batas, Pulau Pinang, pada bulan Jun

telah menunjukkan sifat pejuang akar umbi yang berani, sehingga sanggup berdepan dengan samseng upahan tanpa ketakutan. Beliau telah memainkan peranan kepimpinan dalam mengorganisasi pekerja-pekerja Ladang Changkat Salak yang akhirnya mendapat tawaran tapak perumahan yang percuma.

Pada bulan Mac 2013, semasa penyakit barahnya mereda untuk seketika, Parimala telah kembali dalam medan perjuangan. Masa itu

adalah waktu pilihanraya umum, di mana beliau telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam kerja-kerja kempen pilihanraya tanpa mengharapkan apa-apa pulangan. Parimala bersama-sama dengan anggota PSM telah mengedarkan risalah kempen pilihanraya di banyak kawasan perumahan, tanpa mengerti kepenatan. Oleh itu, Parimala telah menyumbang banyak dalam kemenangan calon PSM di kawasan parlimen Sungai Siput.

Parimala telah meninggalkan kita, tetapi semangatnya tetap akan kita kenangi dan mendorong kita untuk meneruskan perjuangan.

Sudut Komik

Pekerja bersatu lawan pemerasan

